

'Tak perlu keluar caruman KWSP'

BH- 27/12/2021 m/8:3

Kerajaan sudah sedia dana, pelbagai bantuan khas kepada mangsa banjir

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Hulu Langat: Kerajaan tidak berhasrat meluluskan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM10,000, meskipun ramai mangsa terjejas dengan banjir ketika ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan kerajaan sudah memperuntukkan dana dan mengemukakan bantuan yang mencukupi untuk membantu mangsa banjir di seluruh negara, selain sedia menambah peruntukan berkenaan.

Selain itu, katanya, kerajaan bimbang dengan jumlah baki simpanan dalam akaun pencarum KWSP susulan dua kali pengeluaran menerusi i-Sinar dan i-Citra, dengan ada antara mereka berisiko menjadi miskin te-

gar selepas pencen.

"Ada banyak kemudahan diumumkan kepada mangsa banjir. Jika ada yang mahu buka perniagaan untuk yang terjejas banjir, TEKUN menawarkan pinjaman mudah RM10,000 tanpa faedah dan moratorium, iaitu tidak perlu bayar balik pinjaman selama setahun.

"Bagi yang mahu beli barang keperluan rumah, Bank Simpanan Nasional (BSN) akan beri pinjaman persendirian RM10,000 tanpa faedah dan moratorium se-

lama enam bulan. Kerajaan sudah sediakan kemudahan ini. Jika apa yang disediakan ini digunakan, insya-Allah ia boleh membantu mangsa banjir," katanya pada sidang media di Masjid Al-Muttaqin di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pendirian kerajaan susulan banyak pihak mendesak supaya pengeluaran i-Citra berjumlah RM10,000 diluluskan bagi meringankan beban mangsa banjir.

Pengeluaran khas KWSP menerusi i-Sinar diluluskan pada Mac lalu, dengan had pengeluaran antara RM10,000 hingga RM60,000 bagi mengurangkan impak pandemik, disusuli i-Citra bermula Ogos lalu dengan had pengeluaran RM5,000.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kerajaan keberatan meluluskan pengeluaran khas ketiga kerana ramai pencarum kini memiliki jumlah simpanan yang terlalu sedikit untuk persediaan hari tua mereka.

"Tujuan KWSP adalah untuk simpanan hari tua selepas pencen. Selepas pengeluaran khas dua kali sebelum ini, 20 peratus pencarum hanya tinggal baki RM1,000. Kalau RM1,000, apabila pencen nanti, automatik mereka akan jadi miskin tegar, ini yang saya risaukan.

"Malah hampir 95 peratus daripada pencarum yang miliki baki simpanan RM1,000 itu adalah dalam kalangan orang Melayu dan Bumiputera. Kita kena sedar perkara ini," katanya.


Pembinaan EKVE dipercayai antara faktor banjir besar

Hulu Langat: Pembinaan projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) di sini dipercayai antara faktor menyumbang kepada kejadian banjir besar di sekitar Taman Sri Nanding, di sini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pemantauannya di kawasan perumahan itu mendapati projek pembinaan EKVE menyebabkan longkang tertutup, sekali gus mengganggu sistem saliran di kawasan itu dan menyebabkan

air Sungai Langat di belakang Taman Sri Nanding melimpah ke kawasan perumahan berkenaan hingga banjir meningkat setinggi tingkat pertama rumah di situ.

"Banjir ini bukan sahaja disebabkan oleh air hujan, tapi (tinjauan) di Taman Sri Nanding (mendapati) kerana projek EKVE. Longkang tertutup dan sebagainya, menyebabkan banjir lebih cepat berlaku," katanya pada sidang media di Masjid Al-Muttaqin di sini, semalam.



Projek EKVE di Taman Sri Nanding dipercayai antara faktor banjir besar di Hulu Langat.
(Foto Aizuddin Saad/BH)